

**DASAR-DASAR PENDIDIKAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (1950 – 1984):
PENGARUH DAN HUBUNGANNYA DENGAN MALAYSIA**

Haji Awg Asbol bin Haji Mail
Brunei Darussalam

Abstrak

Sekitar tahun 1950 – 1984, ketika Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan, negara ini telah mengwujudkan empat dasar pendidikan, iaitu: Dasar Pendidikan 1954, Dasar Pendidikan Negara 1962, Dasar Pendidikan 1972 dan Dasar Dwibahasa 1984. Kajian ini cuba meneliti sejauh mana hubungan politik Brunei Darussalam dan Malaysia mempengaruhi dalam menjayakan atau menggagalkan pelaksanaan dasar-dasar tersebut. Dasar Pendidikan Negara tahun 1962 dan 1972 telah menghadapi cabaran apabila hubungan kedua-dua negara dingin. Brunei Darussalam berhadapan dengan kesulitan untuk merealisasikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah apabila Malaysia tidak mahu memberikan kerjasama dalam perkara ini.

Pengenalan

Sungguhpun pendidikan formal mula diperkenalkan pada tahun 1914 dengan tertubuhnya sekolah Melayu di Negara Brunei Darussalam yang awalnya beroperasi di masjid¹, namun kerajaan tidak pernah mengeluarkan dasar pendidikan rasmi sehinggalah tahun 1954. Dalam meningkatkan kualiti pendidikan anak-anak Brunei kewujudan dasar adalah begitu penting. Dasar ialah ketetapan dalam proses pengurusan organisasi atau kerajaan. Ia bukan sesuatu yang neutral dan statik kerana motif tersirat mempunyai hubungan dengan bidang politik, ekonomi dan sosial. Politik merupakan satu aspek yang memberi kesan mendalam terhadap orientasi dan kandungan dasar, termasuk pendidikan sesebuah negara. Dasar pendidikan yang jelas dan jitu adalah penting sebagai landasan atau garis panduan dalam menentukan hala tuju sistem pendidikan sesebuah negara, di samping sentiasa relevan dengan arus perkembangan dan perubahan sosioekonomi dan politik sesebuah negara.²

Biarpun dasar pendidikan sebelum tahun 1954 tidak pernah dikeluarkan secara rasmi oleh pihak kerajaan, tetapi ia boleh dikesan melalui pelaksanaan yang dibuat pada masa itu. Dalam kata lain, dasar pendidikan sudah ada tetapi tidak dinyatakan secara rasmi. Hal ini tidak didedahkan kerana pentadbiran Residen British pada ketika itu mempunyai agenda tersembunyi. Mereka tidak mahu kelemahan yang ada pada sistem pendidikan ketika itu khususnya sekolah Melayu akan terdedah dan menimbulkan kritikan di kalangan masyarakat Brunei³.

Kelemahan sistem pendidikan pada masa itu jelas apabila pendidikan sekolah Melayu hanya membolehkan anak-anak Melayu supaya pandai membaca dalam tulisan rumi. Tidak ada yang diajarkan selain mewarisi kerjaya orang tua mereka iaitu sebagai nelayan ataupun petani. Matlamat pendidikan seperti ini telah dilakukan lebih awal di Tanah Melayu. Oleh itu taraf paling tinggi bagi sekolah Melayu pada ketika itu ialah darjah enam. Lulusan dari sekolah Melayu hanya sesuai untuk jawatan rendah seperti guru, kerani dan budak pejabat. Mungkin juga menjadi petani atau nelayan yang celik huruf. Sistem pendidikan seperti ini menyekat peluang anak tempatan untuk melanjutkan pelajaran ke institut pengajian tinggi. Mereka tidak berpeluang untuk mendapatkan ilmu dan kepakaran dalam pelbagai bidang untuk menyumbangkan tenaga dalam membangun Brunei yang masih mundur ketika itu.

Pentadbir British ketika itu sedar, jika anak-anak tempatan diberikan pendidikan tinggi, mereka akan menjadi tenaga penggerak dalam merubah pemikiran masyarakat dan akhirnya bangkit dalam bentuk penentangan. Fenomena ini boleh mengancam kedudukan dan kepentingan British di Brunei.

¹ State of Brunei, *Annual Report 1914*, hlm.5.

² Sufean Hussin, *Dasar Pembangunan Pendidikan Malaysia Teori dan Analisis*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002, hlm.125.

³ Haji Awg Asbol bin Haji Mail, *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Brunei 1950 – 1985*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, 2006, hlm. 27-28.

Dasar Pendidikan 1954

Jabatan Pelajaran telah mengeluarkan dasar pendidikan secara rasmi pada tahun 1954 kerana kerajaan ketika itu telah mengwujudkan Rancangan Kemajuan Lima Tahun (1953 – 1958)⁴ yang pertama. Salah satu komponen penting yang direncanakan adalah bidang pendidikan kerana pada waktu itu Brunei masih kekurangan orang terpelajar dan berkemahiran dalam pelbagai bidang untuk sama-sama membangun negara selain desakan dari masyarakat dan ibu-bapa supaya Brunei mempunyai sistem pendidikan yang teratur. Masyarakat Brunei sudah mempunyai kesedaran yang tinggi betapa pentingnya memberikan pendidikan formal kepada generasi muda. Kesedaran ini begitu menyerlah selepas Perang Dunia Kedua tamat. Senario inilah juga menjadi alasan kuat Sultan Omar Ali Saifuddien untuk tidak mendapatkan kemerdekaan Brunei lebih awal, sungguhpun mendapat desakan kuat dari rakyat Brunei ketika itu.

Guru-guru Melayu lulusan dari Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim Perak juga memainkan peranan dalam memberikan kesedaran kepada masyarakat Brunei terhadap perlunya anak-anak Brunei diberikan pendidikan melalui sistem persekolahan. Dalam hal ini ternyata sistem pendidikan dari Tanah Melayu telah mempengaruhi penduduk Brunei apabila ia disebarkan oleh guru-guru Melayu yang berkelulusan dari sana. Hubungan pendidikan formal antara Brunei dan Tanah Melayu memang sudah wujud sebelum pembentukan Malaysia lagi. Jabatan Pelajaran sebagai sebuah agensi kerajaan yang bertanggungjawab menangani hal ehwal pendidikan Brunei telah mengeluarkan dan menjelaskan bentuk dan sistem pendidikan yang diamalkan di negara ini pada masa itu. Penjelasan ini boleh dianggap sebagai dasar pendidikan rasmi yang dikeluarkan oleh kerajaan. Dasar Pendidikan 1954 menyatakan bahawa kerajaan menyediakan pendidikan percuma kepada semua anak-anak Melayu bermula umur enam tahun. Mereka boleh belajar sama ada di sekolah Inggeris atau Vokasional selain sekolah Melayu. Di sekolah Melayu, mereka meneruskan pelajaran sehingga darjah enam. Mana-mana murid yang ingin memasuki sekolah Inggeris kerajaan, dikehendaki terlebih dahulu menduduki peperiksaan. Apabila berjaya, mereka akan belajar sehingga tingkatan tiga. Pelajar yang mempunyai prestasi baik dalam pelajaran akan diberi peluang melanjutkan pelajaran hingga ke institusi pengajian tinggi di luar negeri⁵.

Anak-anak Brunei yang berminat dalam lapangan pendidikan teknikal dan vokasional akan dihantar belajar ke Sekolah Pertukangan Syarikat Minyak Shell di Seria. Dasar Pendidikan 1954 ini juga menyediakan kelas-kelas membentras buta huruf bagi orang dewasa. Sekolah Misi dan Cina bergerak secara bersendirian dan mendapat bantuan kewangan dari pihak kerajaan⁶. Ternyata dasar pendidikan 1954 ini hampir sama dengan apa yang telah berlaku di Tanah Melayu yang mengamalkan sistem berbagai aliran dalam pendidikannya, cuma bezanya, Brunei

⁴ Rancangan kemajuan ini diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Negeri pada bulan Julai 1953 dengan peruntukan kewangan sebanyak \$100 juta. Matlamat utama rancangan ini untuk meningkatkan taraf ekonomi dan sosial sesuai dengan perubahan taraf hidup yang dialami oleh rakyat Brunei.

⁵⁵ H.J. Padmore, *Proposed Development Plan for Education Department 1954-1960*, Kuala Belait: The Brunei Press, 1954, hlm. 3.

⁶ Ibid.

tidak mempunyai sekolah beraliran Tamil. Sekali lagi boleh dilihat bagaimana pengaruh sistem pendidikan di Tanah Melayu telah dibawa oleh pihak British ke Brunei.

Dasar Pendidikan 1954 ini tidak hanya mendapat perhatian daripada orang ramai dan sasaran kritikan parti-parti politik, bahkan ia menjadi isu hangat dibahas dalam Majlis Mesyuarat Negeri. Pada tahun 1962, salah seorang ahli majlis yang mewakili pihak pembangkang mengusulkan supaya kerajaan merangka dan membentuk satu Dasar Pendidikan Kebangsaan yang tidak dipengaruhi oleh dasar-dasar luar negeri. Usulan ini telah mendapat tentangan daripada wakil kerajaan kerana menganggap Brunei telah pun mempunyai dasar pendidikan tersendiri. Jika dasar ini dirombak dengan sendirinya akan menambah beban kerajaan. Pegawai Pelajaran yang diwakili oleh seorang pegawai British, dalam jawapannya menyanggah usulan tersebut, dengan mengatakan bahawa sistem pendidikan Brunei sudah mencapai kemajuan kerana sekolah telah banyak didirikan. Pelajar juga semakin ramai yang dihantar keluar negeri untuk melanjutkan pelajaran. Kenyataan ini tidak dinafikan, namun gambaran banyak sekolah sudah didirikan dan ramai sudah anak-anak Brunei memasuki alam persekolahan memang mencerminkan sebahagian dari kemajuan sesuatu sistem pendidikan⁷. Bagaimanapun tanda aras kemajuan juga perlu diukur melalui sudah berapa ramai anak-anak Brunei yang memiliki pendidikan tinggi atau yang telah melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat universiti. Walhal pada masa itu taraf pendidikan Sekolah Melayu masih terbatas di peringkat pendidikan rendah. Akhirnya resolusi ini ditolak kerana tidak mendapat undi majoriti dalam majlis.

Ironiknya pada tahun 1962 ini juga kerajaan sebenarnya telah merancang untuk mengwujudkan satu Dasar Pendidikan Kebangsaan yang baru. Ini menunjukkan bahawa cadangan dari ahli parti pembangkang itu mendapat perhatian dari kerajaan. Dasar pendidikan yang baru perlu dibentuk kerana kerajaan bimbang terhadap pengaruh Parti Rakyat Brunei yang makin tersebar di kalangan rakyat Brunei ketika itu. Pendidikan telah menjadi isu dan agenda perjuangan parti ini untuk meraih sokongan orang ramai. Sudah menjadi lumrah ciri-ciri gerakan nasionalisme bahawa dalam mendapatkan kemerdekaan dari kuasa penjajah akan diikuti pula usaha untuk menghidupkan kembali warisan budaya tempatan, di antaranya ialah memartabatkan bahasa kebangsaan⁸. Jadi untuk membendung pengaruh ini kerajaan memikirkan perlunya diwujudkan satu Dasar Pendidikan Kebangsaan yang baru bagi memenuhi kehendak rakyat. Selain itu perjuangan memartabatkan bahasa Melayu sedang hangat dilakukan di Tanah Melayu pada masa itu. Bahang perjuangan ini telah mempengaruhi masyarakat Brunei untuk sama-sama meningkatkan kedudukan bahasa ini⁹.

Laporan Aminuddin Baki dan Paul Chang

Kerajaan Brunei telah mendatangkan dua pakar pendidikan dari Tanah Melayu pada tahun 1959, iaitu Aminuddin Baki dan Paul Chang. Mereka ditugaskan untuk mengkaji peraksanaan sistem pendidikan Brunei. Hasil kajian ini dikenali sebagai “Laporan Aminuddin Baki dan Paul Chang 1959”. Salah satu cadangan laporan ini ialah: supaya kanak-kanak

⁷ Penyata Rasmi Majlis Mesyuarat Negeri Brunei 16 dan 17 April 1962; *Pelita Brunei*, 18 April 1962.

⁸ Sufean Hussin, *Dasar Pembangunan Pendidikan Malaysia Teori dan Analisis*, hlm.134; K.Ramanathan, *Politik dalam Pendidikan Bahasa 1930 – 1971*, Petaling Jaya: Penerbita Fajar Bakti Sdn Bhd. 1985, hlm.1.

⁹ *Ibid.* hlm.36 – 40.

daripada semua bangsa disatukan di bawah satu Sistem Pendidikan Kebangsaan dengan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama. Sistem pendidikan menggunakan satu bahasa pengantar akan diharapkan menjadi wadah dan percambahan nilai-nilai perpaduan kepada semua lapisan rakyat yang terdiri dari berbagai kaum, keturunan dan agama. Perkara ini disarankan kerana kedua-dua penyelidik ini mendapati bahawa sistem pendidikan Brunei pada masa itu dilaksanakan dalam aliran bahasa yang berlainan. Laporan ini juga menyarankan supaya sistem pendidikan Brunei mengarah kepada melahirkan tenaga manusia Brunei yang mahir dan berkelulusan tinggi yang diperlukan dalam berbagai bidang seperti pentadbiran, perdagangan, perindustrian dan sebagainya. Perkara ini disarankan kerana mereka mendapati sistem pendidikan yang ada bersifat menekan dan berhanyut. Ia tidak menunjukkan untuk melahirkan generasi Brunei yang memiliki kemahiran dan kepakaran dalam berbagai bidang¹⁰.

Dasar Pendidikan Negara 1962

Laporan Aminuddin Baki dan Paul Chang, kemudiannya telah dikaji dan dibincangkan oleh Jawatankuasa Mengkaji Pelajaran Brunei. Akhirnya jawatankuasa ini berjaya mengeluarkan satu dasar pendidikan baru yang disahkan sebagai Dasar Pendidikan Negara pada 31 Oktober 1962¹¹. Oleh sebab isi dasar pendidikan yang baru ini bersumberkan Laporan Aminuddin Baki dan Paul Chang, maka tujuan utama pendidikan dalam dasar baru ini sama dengan tujuan yang dikemukakan dalam laporan tersebut. Ianya juga jelas telah membawa pengaruh sistem pendidikan Tanah Melayu ke atas sistem pendidikan Brunei. Dasar Pendidikan Negara 1962 boleh dikatakan dasar pelajaran pertama yang paling jelas kandungan dan tujuannya berbanding dengan Dasar Pendidikan 1954. Di antara aspek baru dalam dasar ini ialah menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa utama di sekolah-sekolah Brunei. Ia juga mahu menyatukan sekolah-sekolah yang berlainan aliran bukan saja menjadi satu aliran, bahkan menyatukan sistem dan kurikulumnya. Dasar ini juga mahu supaya peluang pelajaran diberikan kepada semua lapisan rakyat Brunei, tidak seperti Dasar Pendidikan 1954 yang hanya menghadkan kepada anak-anak Melayu¹².

Dasar Pendidikan Negara 1962 ini juga mencadangkan supaya pendidikan menjadi media melahirkan satu generasi yang taat kepada sultan dan negara. Hal ini memang sesuai memandangkan Brunei merupakan negara yang mengamalkan sistem pemerintahan beraja. Semangat taat setia ini penting dalam memupuk ke arah perpaduan yang boleh membawa kepada keamanan dan kesejahteraan negara.

Sungguhpun Dasar Pendidikan Negara 1962 telah diwujudkan namun sebahagian kandungannya gagal untuk dilaksanakan. Salah satu sebab kegagalan dasar ini ialah teretusnya pemberontakan 1962 yang dilakukan oleh Parti Rakyat Brunei pada 8 Disember 1962. Apabila pemberontakan berlaku, Brunei berada dalam keadaan huru hara. Banyak sekolah telah digunakan oleh pihak tentera sebagai markas dan pusat tahanan anggota pemberontak yang

¹⁰ Aminuddin Baki dan Paul Chang, "Laporan Penyata Pelajaran Negeri Brunei", 21 September 1959, bahan tidak diterbitkan, hlm.2, 12-13.

¹¹ *Laporan Suruhanjaya Pelajaran Brunei 1972*, Bandar Seri Begawan: Jabatan Setiausaha Kerajaan, t.th, hlm.1.

¹² Haji Awg Asbol bin Haji Mail, *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Brunei 1950 – 1985*, hlm.35.

ditangkap. Ini menjadikan operasi pendidikan di Brunei terbantut. Manakala itu jentera pentadbiran kerajaan pula terpaksa ditumpukan kepada memulihkan keamanan akibat dari pemberontakan ini.

Pengaruh Malaysia ke atas kegagalan pelaksanaan Dasar Pendidikan negara 1962 juga tidak boleh diketepikan. Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu telah mengemukakan cadangan kepada pemimpin Sarawak, Brunei dan Sabah pada bulan Mei 1961 untuk bergabung di bawah gagasan Malaysia atau Persekutuan Malaysia. Cadangan ini telah ditimbang secara halus oleh Sultan Omar Ali Saifuddin dan baginda sendiri mengatakan pada dasarnya Brunei bersetuju untuk menyertai Malaysia sekiranya dalam persekutuan itu bersesuaian dengan kehendak Brunei dan boleh mendatangkan faedah¹³.

Pemimpin Sarawak dan Sabah telah menerima gagasan ini, tetapi akhirnya Brunei menolak untuk tidak menyertai Malaysia pada 9 Julai 1963. Berbagai teori telah dikemukakan oleh para pengkaji sejarah, mengapa Brunei menolak tawaran tersebut? Ada yang mengatakan Sultan Omar Ali Saifuddin tidak ditawarkan untuk menjadi Yang Dipertuan Agung, ada juga mengatakan Malaysia terlalu tinggi meminta bayaran tahunan kepada Brunei untuk diberikan ke kerajaan pusat dan tidak kurang pula mengatakan adanya pengaruh British. Apabila Brunei menolak untuk menyertai Malaysia, maka Tunku Abd Rahman bertindak balas menarik balik pegawai-pegawai dan guru-guru Malaysia yang dipinjamkan untuk berkhidmat di Brunei. Kesan dari penarikan ini pentadbiran awam Brunei menghadapi masalah¹⁴.

Bagaimanapun sultan mengambil alternatif lain dengan meminjam pegawai-pegawai British untuk menggantikan pegawai-pegawai Malaysia. Ketiadaan pegawai dan guru dari Malaysia ini menyebabkan Brunei bukan saja berhadapan dengan masalah pentadbiran awam tetapi juga mengalami kesulitan untuk melaksanakan Dasar Pendidikan Negara 1962 sedangkan bantuan Malaysia sangat dikehendaki dalam merealisasikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah di negeri ini. Kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di sekolah semakin rumit dengan ramainya pegawai British yang berkhidmat di Brunei. Dalam merealisasikan perkara ini juga Brunei tidak hanya memerlukan tenaga pengajar bahkan sistem peperiksaan, kurikulum, buku-buku teks juga memerlukan kerjasama Malaysia.

Sementara itu Brunei tidak mahu mengikut sistem pendidikan Indonesia kerana masalah bahasa dan istilah yang jauh berbeza, di samping kerajaan masih terkilan dengan kerajaan Indonesia yang memberikan bantuan dan sokongan terhadap parti Rakyat Brunei yang melancarkan pemberontakan pada tahun 1962. Brunei juga merasa kurang senang dengan negara tersebut apabila ketua Parti Rakyat Brunei Syeikh Azahari diberikan perlindungan. Jadi pada masa itu hubungan Brunei dan Indonesia berada dalam keadaan kurang baik. Impilikasi kemelut politik kedua-dua negara ini telah menjelaskan bagaimana pengaruh Malaysia ke atas perkembangan sistem pendidikan Brunei begitu kuat. Ia mampu menjejaskan dasar pendidikan yang hendak dilaksanakan.

¹³ Mohamad Abu Bakar, "Politik Brunei Menjelang Penubuhan Malaysia", *Malaysia dari Segi Sejarah*, No.10, hlm.117; *Pelita Brunei*, 6 Disember 1961.

¹⁴ Ibid.

Dasar Pendidikan 1972

Setelah 10 tahun Dasar Pendidikan Negara 1962 dilancarkan dan gagal dilaksanakan, maka kerajaan telah membentuk sebuah Suruhanjaya Pelajaran yang baru pada bulan Mei 1970. Suruhanjaya ini bertugas untuk meneliti kedudukan sistem pendidikan Brunei dengan tujuan membentuk Dasar Pendidikan Kebangsaan yang lengkap, sesuai dengan cita-cita, kepentingan dan perkembangan ekonomi serta kedudukan rakyat Brunei. Hasil kajian ini suruhanjaya telah mengeluarkan satu dasar pendidikan yang baru pada tahun 1972.

Kemunculan Dasar Pendidikan 1972 ini bukan saja disebabkan oleh kegagalan Dasar Pendidikan Negara 1962, kemungkinan besar juga ada hubungan dan pengaruhnya dengan Malaysia. Pada 13 Mei 1969 telah berlaku rusuhan kaum di Tanah Melayu terutama di Kuala Lumpur. Kesan rusuhan ini kerajaan Malaysia telah mengambil tindakan melancarkan Dasar Ekonomi Baru dan penyusunan semula masyarakat. Kerajaan juga melaksanakan Dasar Pendidikan Kebangsaan pada bulan Julai 1969. Matlamat dasar ini untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di semua sekolah beraliran Inggeris, Cina dan Tamil. Pada tahun 1970 pula kerajaan Malaysia menubuhkan Universiti Kebangsaan Malaysia yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantarnya¹⁵. Dasar-dasar ini dibentuk semata-mata untuk memupuk perpaduan kaum ke atas masyarakat Malaysia yang berbilang etnik. Kerajaan telah memikirkan bahawa tunggak utama ke arah perpaduan ini ialah menyemai bibit-bibit perpaduan melalui penubuhan dasar pendidikan.

Munculnya Dasar Pendidikan 1972 ada kaitan dengan pengaruh peristiwa 13 Mei 1969 di Malaysia kerana persoalannya kenapa Brunei baru membentuk Suruhanjaya Pelajaran pada tahun 1970, iaitu selepas tragedi tersebut? Mengapa pihak kerajaan tidak mengkaji sistem pendidikan pada tahun 1972 sepertimana biasanya kajian terhadap perubahan dasar pendidikan sesebuah negara dilakukan setiap sepuluh tahun. Kajian juga mungkin boleh dibuat lebih awal dari masa ini, umpamanya pada tahun 1968 atau 1969 kerana dalam tempoh ini suasana politik dan sosiekonomi Brunei berada dalam keadaan stabil sebaik-baik saja selepas peristiwa pemberontakan 1962. Oleh itu ada kemungkinan kerajaan Brunei mengambil pengajaran dari peristiwa 13 Mei ini agar tidak berlaku di Brunei, maka diadakan dasar pendidikan yang baru. Dasar ini menekankan satu sistem pendidikan dan satu kurikulum bagi semua sekolah. Menerusi dasar baru ini akan wujud semangat perpaduan kaum yang boleh diasaskan dari peringkat bangku sekolah lagi.

Pada dasarnya kandungan Dasar Pendidikan 1972 tidak banyak berbeza dengan Dasar Pendidikan Negara 1962. Kedua-duanya menekankan supaya bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar di semua sekolah di Brunei, menyatukan sistem pendidikan, memenuhi keperluan tenaga manusia dan melahirkan generasi yang taat dan setia kepada sultan dan negara. Perbezaan yang jelas hanya Dasar Pendidikan 1972 cuba menonjolkan pendidikan Islam sebagai salah satu mata pelajaran yang penting untuk diajarkan di sekolah-sekolah. Hal ini juga mungkin ada kaitan dengan apa yang berlaku di Malaysia kerana pada masa itu kesedaran tentang perlunya Islam

¹⁵ Sufean Hussin, *Dasar Pembangunan Pendidikan Malaysia Teori dan Analisis*, hlm.159.

sebagai idealogi dalam kehidupan harian umat Islam telah giat diperjuangkan oleh masyarakat Islam di negara tersebut¹⁶.

Kalau pelaksanaan Dasar Pendidikan Negara 1962 digagalkan oleh peristiwa penolakan Brunei untuk memasuki Persekutuan Malaysia, maka peristiwa yang ada hubungan dan pengaruh Malaysia juga memainkan peranan menyebabkan kegagalan Dasar Pendidikan 1972. Pada saat-saat Dasar Pendidikan dilancarkan hubungan Brunei dan Malaysia berada dalam keadaan genting. Walhal Brunei pada masa itu amat memerlukan kerjasama dan bantuan dari Malaysia dalam bentuk tenaga pengajar, buku-buku teks dan sistem peperiksaan.

Hubungan yang dingin berlaku apabila beberapa orang bekas pemimpin Parti Rakyat Brunei telah melarikan diri dari tahanan dengan bantuan wadar penjara dari Malaysia yang berkhidmat di Brunei. Dalam pada itu terdapat lagi beberapa orang pelajar Brunei melakukan kegiatan menentang kerajaan melarikan diri ke Malaysia. Mereka telah mendapat perlindungan kerajaan Malaysia. Peristiwa ini telah menimbulkan ketegangan hubungan antara kedua-dua negara. Brunei pula bertindak balas dengan menarik balik pelajar-pelajarnya yang sedang menuntut di Malaysia. Para pelajar telah menjadi mangsa kerana ada di antara mereka sedang menduduki peperiksaan akhir diarahkan untuk balik ke Brunei. Alasan kerajaan bertindak demikian kerana ditakuti kerajaan Malaysia akan mempengaruhi mereka untuk bangun menentang kerajaan Brunei¹⁷.

Dengan penarikan ini, maka ia menimbulkan masalah secara langsung kepada pelaksanaan Dasar Pendidikan 1972 yang mahu menjadi bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama. Selain itu peluang pelajar beraliran Melayu untuk melanjutkan pelajaran ke Malaysia juga telah tertutup. Senario ini telah mendorong ramai pelajar aliran Melayu menamatkan persekolahan mereka sama ada setakat tingkatan lima atau enam. Mereka memilih untuk memasuki alam pekerjaan seperti menjadi guru, kerani dan lain-lain jawatan rendah di jabatan-jabatan kerajaan atau swasta. Sedangkan ada di kalangan mereka masih berminat dan mempunyai potensi untuk melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat universiti.

Selepas Dasar Pendidikan 1972, desakan orang ramai supaya kerajaan melaksanakan dasar pendidikan baru yang lebih bercorak kebangsaan sudah tidak begitu kedengaran lagi jika dibandingkan dekad 1950-an dan awal 1960-an. Selepas pemberontakan, kemunculan parti-parti politik tidak begitu berpengaruh dan kepercayaan orang ramai sudah berkurangan. Mereka tidak lagi yakin kepada sistem politik berparti mampu membawa kesejahteraan dan keamanan kepada Brunei. Malah mereka telah mengalami nasib buruk apabila ramai saudara mara mereka telah terkorban dalam peristiwa pemberontakan 1962. Oleh itu kerajaan tidak begitu bimbang sungguhpun kandungan Dasar Pendidikan 1972 tidak terlaksana. Lagipun semakin ramai masyarakat Brunei menyedari kepentingan bahasa Inggeris dalam dunia pendidikan. Fenomena

¹⁶ Laporan Suruhanjaya Pelajaran Brunei 1972, hlm.11; Mohamad Abu Bakar, "Perspektif Islam Semasa: Suatu Tinjauan Kritis", dlm. *Islam dan Pembangunan Negara*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1986, hlm.184 - 185 - 185.

¹⁷ D.S. Ranjit Singh, *Brunei: 1839 - 1983: The Problem of Political Survival*, Singapore: Oxford University Press, 1984, hlm.203; D. Leake, *Brunei the Modern Southeast Asian Islamic Sultanate*, Kuala Lumpur: Forum, 1990, hlm. 57-56

ini semakin jelas apabila pada awal tahun 1970-an telah muncul semakin ramai golongan terpelajar yang berkelulusan dari sekolah Inggeris. Kumpulan ini bukan saja di kalangan garduan lelaki tetapi juga dari kaum wanita. Kebanyakan mereka telah menjawat jawatan penting dan menjadi ketua di jabatan-jabatan kerajaan.

Kegagalan Dasar Pendidikan 1972 dalam menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah juga disebabkan sikap masyarakat Brunei memandang rendah terhadap pendidikan aliran Melayu. Majoriti ibu-bapa lebih suka menyekolahkan anak-anak mereka ke sekolah beraliran Inggeris. Malah yang berkemampuan dari segi kewangan terus menghantar anak-anak mereka ke sekolah swasta beraliran Inggeris atau ke luar negeri. Sikap ini bukan baru bahkan dilaporkan sudah berlaku sejak tahun 1950-an lagi. Pada tahun-tahun tersebut telah dikatakan ramai ibu bapa yang mahukan anak mereka memasuki sekolah Inggeris kerajaan. Bagaimanapun untuk memasuki sekolah ini memerlukan tapisan dan saringan. Murid-murid yang ingin memasuki sekolah Inggeris mestilah menduduki peperiksaan calon ke sekolah ini¹⁸. Perubahan sikap ini semakin ketara menjelang akhir tahun 1970-an apabila jumlah pelajar beraliran Melayu semakin berkurangan dan akhirnya diserapkan ke sekolah Inggeris. Contohnya jumlah pelajar Sekolah Menengah Melayu seluruh Brunei pada tahun 1970 ialah 4487 orang, tetapi pada tahun 1979 cuma 1218 orang, sedangkan pada tahun yang sama jumlah pelajar Sekolah Menengah Inggeris Kerajaan ialah 7344 orang. Dalam hal ini, sikap ibu-bapa juga tidak patut disalahkan sepenuhnya, kerana kerajaan masih longgar dalam menegaskan penggunaan bahasa Melayu di sekolah-sekolah. Mereka berfikir lebih baik memasukkan anak-anak mereka ke sekolah Inggeris kerana peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi di luar negeri lebih cerah berbanding dengan sekolah Melayu dan mereka juga merasakan bahawa orang yang menguasai lebih dari satu bahasa mempunyai kelebihan dan berpeluang baik untuk menjawat jawatan tinggi bukan saja di sektor kerajaan bahkan juga di sektor swasta¹⁹.

Dasar Pendidikan Dwibahasa 1984

Berikutan dengan kegagalan dasar Pendidikan 1972, maka kerajaan perlu mengwujudkan dasar pendidikan baru yang sesuai dengan perkembangan dan perubahan sosioekonomi masyarakat Brunei, lebih-lebih lagi saat Brunei mahu mencapai kemerdekaan penuh dari tangan British pada tahun 1984. Oleh yang demikian pada 9 April 1984 kerajaan secara rasmi mengisytiharkan satu dasar pendidikan baru yang dikenali sebagai Dasar Pendidikan Konsep Dwibahasa atau Dasar Dwibahasa²⁰.

Secara umumnya tujuan utama Dasar Pendidikan Dwibahasa tidak banyak bezanya dengan apa yang terkandung dalam Dasar Pendidikan 1972. Contohnya penyatuan sistem pendidikan dari segi kurikulum, peperiksaan dan penerapan nilai-nilai Islam. Bagaimanapun perbezaan yang ketara di antara keduanya ialah penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama dalam sistem pendidikan Brunei. Menurut dasar ini murid-murid dari peringkat tadika

¹⁸ BA12887/78, State council Meeting, 4 September 1957. ¹⁸ D.S. Ranjit Singh, Brunei: 1839 – 1983: The Problem of Political Survival, Singapore: Oxford University Press, 1984, hlm.203; D. Leake, *Brunei the Modern Southeast Asian Islamic Sultanate*, Kuala Lumpur: Forum, 1990, hlm. 57-56

¹⁸ BA12887

¹⁹ Haji Awg Asbol bin Haji Mail, *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Brunei 1950 – 1985*, hlm.43.

²⁰ *Pelita Brunei*, 18 April 1984.

hingga darjah tiga, semua mata pelajaran diajarkan dalam bahasa Melayu, kecuali mata pelajaran bahasa Inggeris. Bermula dari darjah empat, murid-murid akan mula mengikuti semua mata pelajaran dalam bahasa Inggeris kecuali mata pelajaran Agama Islam, Lukisan dan Pendidikan Jasmani. Bahasa Inggeris digunakan sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah adalah bertujuan untuk memudahkan pelajar Brunei melanjutkan pelajaran ke luar negeri khususnya di institusi-institusi pengajian yang menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar²¹. Lagipun ada yang berpendapat bahawa Brunei merupakan negara yang kecil, jika penduduknya semakin bertambah, maka untuk mendapatkan lapangan pekerjaan bagi penduduknya mungkin semakin sukar ketika itu. Jadi apabila rata-rata rakyat Brunei menguasai bahasa Inggeris lebih mudah bagi mereka untuk berkhidmat di luar negeri.

Sungguhpun Dasar Pendidikan Dwibahasa boleh digambarkan sebagai dasar menggunakan dan mengutamakan dua bahasa utama iaitu bahasa Melayu dan Inggeris tetapi pada realitinya ia tidak berlaku, bahkan penggunaan bahasa Melayu di sekolah-sekolah kelihatannya semakin terpinggir berbanding dengan penggunaan bahasa Inggeris. Pada kenyataannya dasar ini adalah menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar dalam sistem pendidikan Brunei. Matlamat untuk menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah akhirnya gagal dicapai. Pengaruh Malaysia yang dominan dalam sistem pendidikan Brunei sebelum ini telah tiada. Bagaimanapun apabila hubungan Brunei dan Malaysia bertambah baik terutama selepas pencapaian kemerdekaan, masih ramai pelajar Brunei yang melanjutkan pelajaran ke negara tersebut.

Rumusan

Dari pembicaraan di atas jelaslah hubungan dan pengaruh Malaysia ke atas perkembangan dan pembentukan dasar-dasar pendidikan Brunei yang bermula pada tahun 1954 hingga 1972 memang kuat dan meninggalkan kesan. Sebelum terbentuk Malaysia lagi hubungan dan kerjasama dalam bidang pendidikan memang sudah wujud antara kedua-dua buah negara. Persekutuan Tanah Melayu telah memberikan bantuan dan kerjasama erat kepada Brunei apabila ia menghantar pegawai-pegawai dan tenaga pengajar ke Brunei. Sumbangan dan tenaga mereka telah berjaya memajukan pendidikan Brunei termasuk dalam pendidikan agama. Keadaan ini terus berjalan dengan baik sehingga tercetus isu penolakan Brunei untuk memasuki Persekutuan Malaysia. Akibat dari hubungan yang kurang baik inilah, Dasar Pendidikan Negara 1962 dan Dasar Pendidikan 1972 tidak dapat dilaksanakan terutama dalam menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah-sekolah di Negara Brunei Darussalam. Dalam menjayakan hal ini Brunei tidak dapat menafikan untuk mendapatkan bantuan dari Malaysia. Apa yang jelas pengaruh politik luar telah meninggalkan kesan dan bagaikan penentu ke atas kejayaan dan kegagalan pelaksanaan dasar-dasar pendidikan di Brunei. Hal ini jelas berbeza dengan negara-negara lain seperti Malaysia, India dan Sri Lanka apabila pengaruh politik dalaman telah mencorakkan dasar-dasar pendidikan masing-masing.

²¹ *Sistem Pendidikan Negara Brunei Darussalam*, Bandar Seri Begawan: Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, 1985, hlm. 1-2.

Rujukan

a. Buku

Haji Awg Asbol bin Haji Mail, *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Brunei 1950 – 1985*, Bandar Seri: Pusat Sejarah Brunei, 2006.

Haris Md. Jadi. *Etnik Politik dan Pendidikan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.

Ibrahim Saad. *Pendidikan dan Politik di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986.

Awg Mohd Jamil Al-Sufri. Pehin Haji, *Liku-liku Perjuangan Pencapaian Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam, Brunei: Jabatan Pusat Sejarah, 1992*. (Gelaran penuh penulisnya sekarang Yang Dimuliakan Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Jamil Al-Sufri).

Ramanathan. K., *Politik dalam Pendidikan Bahasa 1930 – 1971*, Petaling Jaya: Penerbita Fajar Bakti Sdn Bhd. 1985

Ranjit Singh D.S. *Brunei 1839-1983: The Problem of Political Survival*. Singapore: Oxford University Press, 1991.

Sabihah Osman. *Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak 1841-1941*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.

Sabihah Osman, Muhammad Hadi Abdullah, Sabullah Haji Hakip. *Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995.

Sufean Hussin. *Pendidikan di Malaysia Sejarah, Sistem dan Falsafah*, Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka. 1993.

_____ *Dasar Pembangunan Pendidikan Malaysia Teori dan Analisis*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.

Zaini bin Haji Ahmad. *Pertumbuhan Nasionalisme di Brunei (1939-1962.)* Kuala Lumpur: ZR Publications, 1989.

b. Artikel

Matassim Haji Jibah. "Perkembangan Persekolahan Melayu di Brunei dalam Pentabiran Sistem Residen 1906-1959", dlm. *The Brunei Museum Journal*, Vol.5 No.3, 1983.

Mohamad Abd Bakar. "Politik Brunei Menjelang Penubuhan Malaysia", dlm. *Malaysia dari segi Sejarah*, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia No.10 1981.

_____ "Perspektif Islam Semasa: Suatu Tinjauan Kritis", dlm. *Islam dan Pembangunan Negara*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1986.

Muhammad Hadi Abdullah. "Semangat Kebangsaan Kesedaran Awal", dlm. *Jurnal Darussalam*, Bil. 1 1992.

"Sistem Pelajaran Kita Harus Segera Dirubah", dlm. *Maj. Suara Guru*, Keluaran Ke 3, Feb. 1962, Brunei: Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei, 1962.

c. Tesis dan Latihan Ilmiah

Ahmad Haji Jumat, "A Chronological Study of the Development of Education in Brunei Darussalam From 1906 to 1984 with Special Reference to Education Policies and Their Implementation", ph.D. Thesis, The School of Education California Coast University, June 1989.

Hisham Haji Md Sum. "Educational Dependency: A Case Study on Brunei Darussalam", Ph.D. Thesis, University of Reading, United Kingdom, 1993

d. Fail rasmi kerajaan

BA/6469/1983, SUK 240/52, *Education Policy For Brunei*.

CO 1030/300, E.R. Bevington, "*The Economy and Development of State of Brunei*" 30 Jun 1955.

Penyata Rasmi Majlis Mesyuarat Negeri Brunei 16 dan 17 April 1962.

Siaran Sementara No 22/1948 Ref. No. (6) in Ed/75/1948 dlm. No. 406/1948 Training of Teachers at Batu Lintang School.

e. Laporan

Aminuddin Baki dan Paul Chang, "Laporan Penyata Pelajaran Negeri Brunei", 21hb. Sept. 1959.

Bevington E.R. *Penyata Pembangunan Negeri Brunei 1953-1958*, t.pt. Jun. 1958.

Jabatan Pelajaran Brunei, *Laporan Tiga Tahun 1964-1966*.

Jabatan Pelajaran Brunei, *Laporan Tahunan 1972*.

Laporan Suruhanjaya Pelajaran Brunei 1972, Brunei; Jabatan Setiausaha Kerajaan, t.th.

Ministry of Education, *Education in Brunei Darussalam*, (Brunei; Permanent Secretary's Office, 1992)

_____, *Brunei Education Departmental Triennial Rport For 1955 to 1957*, Brunei: The Brunei Press, t.th

Padmore. H.J. *Proposed Development Plan For Education Depatment 1954-1960*, Brunei: Brunei Press Kuala Belait, 1954.

Sistem Pendidikan Negara Brunei Darussalam, Brunei: Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, 1985.

State of Brunei, *Annual Report 1914*

State of Brunei, *Annual report 1928*

State of Brunei, *Annual Report 1929*

State of Brunei, *Annual Report 1953*

State of Brunei, *Annual Report 1954*

State of Brunei, *Annual Report 1983-1984*

f. Akhbar

Berita Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei, Keluaran 28 Nov. 1972

Berita Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei, Kelauran 25 Sept. 1973

Borneo Bulletin, Keluaran 15 Mac 1958

Pelita Brunei, 18 April 1962

Pelita Brunei, 18 April 1984

Suara Bakti, Keluaran 3 Nov 1961

Suara Bakti, Keluaran 24 Nov 1961